

Headline	Projek perintis perkasa ROS		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	18 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,024
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,072



Projek perintis **perkasa ROS**

Pengiktirafan kepada pertubuhan berjaya tadbir berdasarkan lima prinsip Kod Tadbir Urus Baik

NORHAFIZA MUSA

KUALA TERENGGANU - Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) telah memperkenalkan projek perintis Penilaian Tadbir Urus Baik Pertubuhan dalam memperkasakan imej pertubuhan ke tahap lebih unggul.

Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Datuk Mohammad Razin Abdullah berkata, program berkenaan telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merangkap Menteri Dalam Negeri tahun lalu.

"Pengiktirafan akan diberi kepada sesebuah pertubuhan yang berjaya mentadbir berdasarkan lima prinsip Kod

Tadbir Urus Baik.

"Penilaian Kod Tadbir Urus Baik ini juga akan dibuka kembali kepada semua pertubuhan mulai tahun 2018," katanya ketika berucap di Karnival Pertubuhan Kebangsaan yang dirasmikan Ahmad Zahid.

Hadir sama, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman.

Pada tahun ini, Majlis Aids Malaysia telah memenangi Sijil Pengiktirafan Penilaian Urus Baik Pertubuhan Tahun 2017.

Tambah Mohammad Razin, sebanyak 66,828 pertubuhan berstatus aktif di peringkat induk dan cawangan berdaftar dengan ROS di seluruh negara.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,404 per-

INFO ● Sebanyak 1,404 pertubuhan didaftarkan di Terengganu

tubuhan telah didaftarkan di negeri Terengganu dalam tempoh yang sama," katanya.

Tambah beliau, kerajaan turut mewujudkan inisiatif dalam mewujudkan kawasan kejiranan yang selamat dan tenteram seperti dalam Ucapan Bajet 2017 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Sebanyak RM40 juta diperuntukkan untuk melaksanakan semula Geran Persatuan Penduduk (RA) yang geran dengan nilai maksimum RM10,000 dipelawa



Mohammad Razin (kiri) turut mengiringi Ahmad Zahid menyampaikan sijil kepada wakil Majlis Aids Malaysia telah memenangi Sijil Pengiktirafan Penilaian Urus Baik Pertubuhan Tahun 2017.

kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar di bawah ROS Malaysia sehingga 31 Oktober 2017.

"Geran ini digunakan persatuan untuk beli peralatan kawalan keselamatan bagi laksana program pencegahan

jenayah, dadah, pembersihan dan penyelenggaraan serta aktiviti kejiranan dengan mana-mana persatuan yang masih belum memohon, haruslah segera berbuat demikian sebelum tarikh tutup," katanya.